

22 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Umno)

BANGSA MELAYU MASIH PERLUKAN DR MAHATHIR, KATA PEMIMPIN UMNO

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Para pemimpin dan anggota Umno bersyukur Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik keputusannya meletak jawatan sebagai Presiden Umno.

Perdana Menteri, selepas dirayu oleh anggota Majlis Tinggi Umno dan para perwakilan, menarik balik keputusan meletakkan jawatan yang diumumkan semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini petang ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Wanita Umno menyokong penuh Dr Mahathir untuk terus memimpin Umno.

Rafidah, yang patah tumit kasutnya semasa meluru kepada Dr Mahathir untuk meminta beliau menarik balik peletakan jawatannya, berkata Wanita juga berikrar akan bekerja keras bagi menjayakan cita-cita Dr Mahathir.

"Saya amat terkejut, saya terus meluru ke arahnya seperti robot. Ia adalah reaksi spontan, lupa bahawa ada dalam dewan (Merdeka) beberapa ribu orang. Tak nampak orang lain hanya nampak dia seorang yang hendak meletakkan jawatan," katanya.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata beliau menyangka Perdana Menteri mahu meletakkan jawatan sebagai Bendahari Umno sahaja ketika beliau berkata hendak membuat satu pengumuman penting.

"Ini sangat memeranjatkan kerana sepanjang ucapan penggulungan dia petang ini moodnya macam biasa," katanya.

Dr Abdul Hamid yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri berkata: "Dia sebut pertukaran dalam parti itu biasa...dan dia sebut wanita dah okey dan puteri dah diterima dan sudah selesai. Dalam ucapan dia dah banyak kali ucap minta maaf, cuma kita sahaja yang tidak dapat tangkap (maksud Dr Mahathir)," katanya.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata pengumuman Dr Mahathir memberikan iktibar kepada pergerakan itu bahawa kita "tidak harus pandang ringan terhadap pemimpin kita."

"Bagi Puteri, apalah kami tanpa Dr Mahathir dan beliau perlu terus perjuangannya bersama kami (Puteri Umno), dan bantu kami dalam pendekatan terhadap politik bangsa Melayu," katanya.

Beliau berkata Puteri Umno masih berharap akan kepimpinan Perdana Menteri, dan berjanji sebagai generasi muda akan memastikan orang Melayu dapat bersaing tanpa memerlukan tongkat.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob bagaimanapun ketika ditemui tidak menjawab pertanyaan wartawan tetapi meminta semua menunggu keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi malam ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga anggota MT, Datuk Azmi Khalid berkata keputusan berkenaan merupakan satu kejutan yang tidak pernah dibincang, tidak dijangka dan tidak pernah diberi gambaran oleh PM sendiri walaupun kepada anggota MT.

Seorang lagi anggota MT Datuk Hassan Harun berkata Dr Mahathir adalah seorang pejuang dan beliau melahirkan kekecewaannya untuk menunjukkan keazaman beliau untuk menangani masalah itu.

"Tidak pernah dalam hidupnya beliau menunjukkan untuk mengalah kepada sebarang tekanan. Beliau begitu berdaya tahan, beliau cekal dalam mengendalikan krisis ekonomi semasa negara-negara lain gagal berbuat demikian. Mungkin beliau mahu negara bersama-sama beliau agar beliau boleh membawa negara ini ke tahap lebih maju," katanya.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, yang juga anggota MT, Datuk Dr

Hilmi Yahya berkata walaupun rakyat Malaysia amat terkejut dengan pengumuman Dr Mahathir tetapi mereka masih memerlukan kepimpinannya.

Timbalan Menteri Penerangan, yang juga anggota MT Datuk Khalid Yunus pula berkata beliau percaya ada hikmah di sebalik kejadian itu, dan terpulang kepada orang Melayu khususnya untuk mencari dan menyelidik apakah hikmah berkenaan.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, yang juga anggota MT Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata keputusan Umno menolak peletakan jawatan PM membuktikan anggota-anggota parti benar-benar mahukan Dr Mahathir kekal menerajui Umno.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Zainal Dahlan berkata: "Saya tak sangka PM akan buat pengumuman mengejut seperti ini. Sepatutnya PM pergi bercuti dan meminta Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) memangku jawatan dan secara beransur barulah umumkan, jadi takdelah mengejut begini," katanya.

Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali yang terkejut dengan pengumuman itu meminta orang Melayu melihat secara serius segala nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri selama ini yang mahukan mereka mengubah nasib menjadi bangsa yang bermaruah.

Beliau berkata kemungkinan antara punca tindakan Dr Mahathir kerana kecewa dengan sikap orang Melayu yang tidak mengendahkan nasihat yang diberikannya selama ini.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim berkata sekarang bukanlah masa yang sesuai untuk perdana menteri berundur kerana ia boleh menjejaskan semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan.

Menteri Besar Melaka yang juga anggota MT Datuk Wira Ali Rustam berkata Umno sedang berusaha memulihkan semula parti dan tanpa Dr Mahathir, Umno akan menghadapi kesukaran untuk berbuat demikian terutama menjelang pilihan raya umum pada 2004.

Ketua Umno Bahagian Yan, Datuk Badrudin Amiruldin berkata: "Saya tidak tahu kenapa Perdana Menteri membuat keputusan sedemikian. Melayu memerlukan beliau, Malaysia memerlukan beliau dan Islam memerlukan beliau."

Wakil Wanita Umno Kawasan Merbok Rohani Hashim berkata: "Saya berada di sebelah anak Dr Mahathir, Datuk Mokhzani yang juga ketua Umno Merbok. Tetapi dia (Mokhzani) sendiri kelihatan terperanjat dengan pengumuman bapanya. Seketika kemudian saya melihat beliau bangun meninggalkan dewan."

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pengumuman Dr Mahathir itu merupakan satu mesej serius yang memerlukan rakyat negara ini terutama orang Melayu melakukan perubahan segera.

"Ini bukan mainan, ia merupakan satu cetusan emosi yang bukan boleh dilakonkan," katanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata tindakan Perdana Menteri membuktikan keikhlasan beliau dalam mengotakan janji yang pernah beliau ucapkan sebelum ini.

"Dia pernah cakap bila sampai masa dia akan letak jawatan dan dia mahu buktikan keikhlasannya. Keikhlasan dia dah terbukti hari ini bahawa beliau mahu meletakkan jawatan. Ada Melayu yang tidak percaya.

"Adakah itu satu sandiwara lagi? Mungkin Nik Aziz akan kata satu sandiwara lagi?," katanya.

Zainuddin berkata Perdana Menteri mungkin mengambil tindakan itu kerana berasakan orang Melayu sudah mulai sedar dan kembali kepada perjuangan Umno.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin kedengaran mengucapkan perkataan "syukur" berulang kali ketika berjalan keluar meninggalkan Dewan Merdeka selepas persidangan ditangguhkan.

-- BERNAMA
NM WNZ MAM HK ZS RHM